



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGARUH KEPERLUAN PSIKOLOGI ASAS DAN MOTIVASI
TERHADAP KOMITMEN DAN KEPUASAN KERJA GURU DIBIMBING
OLEH PAKAR PEMBIMBING PENINGKATAN SEKOLAH DI PERAK,
MALAYSIA***

NORLIDA BINTI IDRUS

FPP 2021 33



**PENGARUH KEPERLUAN PSIKOLOGI ASAS DAN MOTIVASI
TERHADAP KOMITMEN DAN KEPUASAN KERJA
GURU DIBIMBING OLEH PAKAR PEMBIMBING PENINGKATAN
SEKOLAH DI PERAK, MALAYSIA**

Oleh

NORLIDA BINTI IDRUS

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Julai 2020

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGARUH KEPERLUAN PSIKOLOGI ASAS DAN MOTIVASI
TERHADAP KOMITMEN DAN KEPUASAN KERJA
GURU DIBIMBING OLEH PAKAR PEMBIMBING PENINGKATAN
SEKOLAH DI PERAK, MALAYSIA**

Oleh

NORLIDA BINTI IDRUS

Julai 2020

Pengerusi : Profesor Madya Nor Aniza binti Ahmad, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap keperluan psikologi asas, motivasi, komitmen dan kepuasan kerja guru dibimbing (GDB) oleh Pakar Pembimbing Peningkatan Sekolah (SISC+). Selain itu, kajian ini juga mengkaji pengaruh antara keperluan psikologi asas dengan motivasi seterusnya pengaruh motivasi dengan komitmen dan kepuasan kerja GDB. Kajian berbentuk deskriptif korelasi ini melibatkan seramai 291 orang GDB sekolah menengah di Negeri Perak yang dipilih secara persampelan rawak berstarata berkadar dan persampelan rawak mudah. Analisis deskriptif kajian ini menggunakan perisian SPSS 22.0. Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi daripada pengkaji lepas sebagai instrumen kajian. Hasil kajian mendapati tahap keperluan psikologi asas adalah tinggi ($M = 5.25$, $SP = 1.05$). Manakala tahap motivasi GDB adalah tinggi ($M = 5.22$, $SP = 1.12$). Sementara itu, tahap komitmen kerja ($M = 4.93$, $SP = 1.04$) GDB adalah sederhana, manakala tahap kepuasan kerja ($M = 5.63$, $SP = 0.99$) GDB adalah tinggi. Analisis Inferensi kajian ini dijalankan dengan menggunakan analisis berdasarkan varians (*Varians based*) melalui perisian Smart PLS 3.2.3. Hasil analisis pekali laluan mendapati hanya autonomi terhadap peraturan diselaraskan ($\beta = 0.078$, $t = 1.070$, $p = 0.284$), kompetensi terhadap peraturan diselaraskan ($\beta = 0.041$, $t = 0.627$, $p = 0.530$), kompetensi terhadap amotivasi ($\beta = 0.078$, $t = 1.053$, $p = 0.292$), kesalinghubungan terhadap peraturan luaran ($\beta = 0.103$, $t = 1.673$, $p = 0.094$) dan kesalinghubungan terhadap amotivasi ($\beta = 0.013$, $t = 0.194$, $p = 0.846$) sahaja tidak mempunyai pengaruh signifikan. Sementara itu, bagi pengaruh motivasi terhadap komitmen hanya peraturan di selaraskan ($\beta = 0.1647$, $t = 3.075$, $**p = 0.002$) dan peraturan dikenal pasti ($\beta = 0.307$, $t = 3.204$, $***p = 0.001$) sahaja terdapat pengaruh signifikan. Bagi pengaruh motivasi dengan kepuasan kerja hanya peraturan luaran ($\beta = 0.0319$, $t = 0.732$, $p = 0.464$) sahaja tidak terdapat pengaruh signifikan. Peramal signifikan utama motivasi bagi komitmen kerja guru dibimbing adalah peraturan dikenal pasti ($\beta = 0.307$)

manakala bagi kepuasan kerja adalah peraturan bersepadu ($\beta = 0.285$). Dapatan kajian ini telah memberi implikasi teoritikal kepada penggunaan Teori SDT kepada guru-guru khususnya GDB.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**BASIC PSYCHOLOGY NEED AND MOTIVATION TOWARDS
COMMITMENT AND JOB SATISFACTION OF GUIDED TEACHER (GT)
BY SCHOOL IMPROVEMENT SPECIALIST COACH (SISC+) AT PERAK,
MALAYSIA**

By

NORLIDA BINTI IDRUS

July 2020

Chairman : Associate Professor Nor Aniza binti Ahmad, PhD
Faculty : Educational Studies

The study aimed to measure the level of basic psychology needs (BSPN), motivation, work commitment and satisfaction amongst guided teachers by the School Improvement Specialist Coaches Plus (SISC+). Besides, the study also aimed to investigate the influence of basic psychological needs towards motivation as well as the influence of motivation towards the teachers' work commitment and satisfaction. The study adapted descriptive correlation design and involve 291 guided teachers in secondary schools throughout Perak. The selection of samples is based on both simple and stratified random sampling. SPSS 21 was used to obtain descriptive findings. This study adopts and adapts instruments that were used in the past studies. The findings indicate that score for BSPN is high ($M = 5.25$, $SP = 1.05$) as well as the teachers' motivational score is also high ($M = 5.22$, $SP = 1.12$). Work commitment ($M = 4.93$, $SD = 1.04$) were found on the medium level while work satisfaction on the high level ($M = 5.63$, $SD = 0.99$). Inferential analysis utilizing variance-based analysis in Smart PLS 3.2.3. The path coefficient showed the following relationship were found to be not significant: Autonomy towards intro-ejected regulation ($\beta = 0.078$, $t = 1.070$, $p = 0.284$), competency towards intro-ejected regulation ($\beta = 0.041$, $t = 0.627$, $p = 0.530$), competency towards amotivation ($\beta = 0.078$, $t = 1.053$, $p = 0.292$), relatedness towards external regulation ($\beta = 0.103$, $t = 1.673$, $p = 0.094$) and relatedness towards amotivation ($\beta = 0.013$, $t = 0.194$, $p = 0.846$). Meanwhile, both intro-ejected regulation ($\beta = 0.1647$, $t = 3.075$, $**p = 0.002$) and identified regulation ($\beta = 0.307$, $t = 3.204$, $***p = 0.001$) were found to have significance influence towards work commitment. For work satisfaction, only external regulation does not have significance influence ($\beta = 0.0319$, $t = 0.732$, $p = 0.464$). Identified regulation ($\beta = 0.307$) was the significance influencer towards work commitment while integrated regulation was for work satisfaction ($\beta = 0.285$). The study findings contribute to theoretical implication associated with SDT especially amongst guided teachers.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih Maha Penyayang

Syukur ke hadrat ilahi dengan izinNYA, saya telah berjaya menyiapkan tesis bagi melayakkan diri memperoleh Ijazah Sarjana ini. Sepanjang proses menyiapkan tesis ini banyak yang telah saya pelajari daripada orang sekeliling yang menyumbang secara langsung mahupun tidak langsung. Sesungguhnya tesis ini tidak akan mampu disiapkan tanpa bantuan daripada orang lain.

Pertama sekali, sekalung penghargaan diucapkan kepada Jawatankuasa Penyeliaan saya iaitu Profesor Madya Dr. Nor Aniza binti Ahmad dan Profesor Madya Dr. Noor Syamilah binti Zakaria. atas tunjuk ajar, panduan, bimbingan dan motivasi yang berterusan kepada saya. Segala tunjuk ajar dan bimbingan daripada mereka tidak akan saya lupa dan amat saya hargai.

Ucapan terima kasih juga kepada semua SISC+ di setiap Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak kerana membantu saya sepanjang proses kutipan data dilaksanakan. Ucapan terima kasih juga kepada guru-guru dibimbing kerana sudi memberikan kerjasama semasa kajian dilaksanakan.

Penghargaan juga khas buat suami iaitu Ammar Redza bin Ahmad Rizal kerana sentiasa positif, sabar dan memberikan galakan tanpa henti sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa saya Idrus bin Budin dan Junaidah bt Selamat atas doa dan restu, anak-anak saya Uwais dan Qays yang sentiasa memahami dan menyokong dalam merealisasikan impian ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan, Rafedah Abd Aziz, Mas Ayu, Awanis dan Roslinda yang sentiasa membantu dan memberi sokongan antara satu sama lain. Akhir sekali terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam proses menyiapkan kajian ini.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nor Aniza binti Ahmad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Noor Syamilah binti Zakaria, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 14 Januari 2021

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pengenalan Kajian	1
	1.3 Latar Belakang Kajian	2
	1.4 Pernyataan Masalah	5
	1.5 Objektif Kajian	7
	1.6 Persoalan Kajian	7
	1.7 Hipotesis Kajian	8
	1.8 Kepentingan Kajian	10
	1.9 Skop dan Limitasi Kajian	10
	1.10 Definisi Konseptual dan Operasional	11
	1.10.1 Guru Dibimbing (GDB)	11
	1.10.2 Komitmen Kerja	11
	1.10.3 Kepuasan Kerja	11
	1.10.4 Keperluan Psikologi Asas	11
	1.10.5 Autonomi	12
	1.10.6 Kompetensi	12
	1.10.7 Kesalinghubungan	12
	1.10.8 Motivasi	12
	1.10.9 Motivasi Intrinsik	12
	1.10.10 Motivasi Ekstrinsik	13
	1.10.11 Peraturan Bersepadu	13
	1.10.12 Peraturan yang Dikenal pasti	13
	1.10.13 Peraturan yang Diselaraskan	13
	1.10.14 Peraturan Luaran	13
	1.10.15 Amotivasi	14
	1.11 Kesimpulan	14
2	KAJIAN LITERATUR	15
	2.1 Pengenalan	15
	2.2 Pendekatan Teori	15
	2.2.1 Teori Komitmen	15
	2.2.2 Teori Kepuasan Kerja	16

2.3	Teori Motivasi	17
2.4	Teori Penentuan Kendiri (SDT)	21
	2.4.1 Keperluan Psikologi Asas	21
	2.4.2 Elemen Motivasi	24
2.5	Kerangka Teoritik Kajian	28
2.6	Komitmen Kerja	29
2.7	Kepuasan Kerja	32
2.8	Kerangka Konseptual Kajian	34
2.9	Pengaruh Keperluan Psikologi Asas dengan Motivasi	35
2.10	Pengaruh Motivasi dengan Komitmen dan Kepuasan Kerja	38
2.11	Kesimpulan	39
3	METODOLOGI KAJIAN	41
3.1	Pengenalan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	42
3.4	Penentuan Saiz Sampel	42
3.5	Saiz Sampel Formula Cochran (1977)	43
3.6	Kaedah Persampelan	44
3.7	Instrumen Kajian	45
3.8	Penterjemahan Instrumen	47
3.9	Kesahan Soal Selidik Kajian	47
	3.9.1 Kesahan Kandungan	48
	3.9.2 Kesahan Konstruk	48
3.10	Kebolehpercayaan Soal Selidik Kajian	48
3.11	Kaedah Pengumpulan Data	49
3.12	Kajian Rintis	50
3.13	Ujian Kesahan (Confirmatory Factor Analysis)	51
3.14	Penganalisan Data	55
3.15	Partial Structural Equation Modelling (PLS-SEM)	56
	3.15.1 Pemboleh ubah Laten dan Model Pengukuran	56
	3.15.2 Model Pengukuran Reflektif	58
	3.15.3 Kesahan Menumpu	58
	3.15.4 Kesahan Diskriminan	60
3.16	Penilaian Model Struktur	60
3.17	Penilaian Model Pengukuran Reflektif	61
	3.17.1 Menilai Kesahan Menumpu	61
	3.17.2 Menilai Kesahan Diskriminan	63
3.18	Analisis Penerokaan Data	68
3.19	Menilai Multikolineriti	68
	3.19.1 Ujian Normaliti	68
3.20	Kesimpulan	76
4	DAPATAN KAJIAN	78
4.1	Pengenalan	78
4.2	Demografi Responden	78
	4.2.1 Daerah	78
	4.2.2 Jantina	79
	4.2.3 Mata pelajaran yang diajar	79

4.2.4	Pengalaman Mengajar	80
4.2.5	Tempoh Keterlibatan dengan Pementoran oleh SISC+	80
4.2.6	Kekerapan Pertemuan dengan SISC+ dalam Masa Setahun	81
4.3	Analisis Deskriptif	81
4.3.1	Tahap Keperluan Psikologi Asas Guru dibimbing oleh SISC+	81
4.3.2	Tahap Motivasi Guru Dibimbing oleh SISC+	84
4.3.3	Tahap Komitmen Kerja Guru dibimbing oleh SISC+	90
4.3.4	Tahap Kepuasan Kerja Guru dibimbing oleh SISC+	91
4.4	Penilaian Model Struktur	92
4.4.1	Menilai Signifikan dan Relevan bagi Hubungan Model Struktur	99
4.4.2	Mengenal pasti Pengaruh Faktor Keperluan Psikologi Asas terhadap Motivasi GDB	99
4.4.3	Mengenal pasti Faktor Pengaruh Motivasi terhadap Komitmen Kerja GDB	106
4.4.4	Mengenal pasti Faktor Pengaruh Motivasi terhadap Kepuasan Kerja GDB	109
4.4.5	Faktor Motivasi yang Menjadi Peramal Signifikan Terhadap Komitmen Kerja GDB	112
4.4.6	Faktor Motivasi yang Menjadi Peramal Signifikan Terhadap Kepuasan Kerja GDB	112
4.5	Rumusan Model Struktur	113
4.6	Kesimpulan	115
5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	116
5.1	Pengenalan	116
5.2	Ringkasan Kajian	116
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	117
5.3.1	Tahap Keperluan Psikologi Asas Guru dibimbing oleh SISC+	117
5.3.2	Tahap Motivasi Guru dibimbing oleh SISC+	118
5.3.3	Tahap Komitmen Kerja Guru Dibimbing oleh SISC+	119
5.3.4	Tahap Kepuasan Kerja Guru dibimbing oleh SISC+	120
5.3.5	Pengaruh Faktor Keperluan Psikologi Asas Guru Dibimbing oleh SISC+ dengan Motivasi	121
5.3.6	Pengaruh Faktor Motivasi Guru dibimbing oleh SISC+ dengan Komitmen Kerja	122
5.3.7	Pengaruh Faktor Motivasi Guru dibimbing oleh SISC+ dengan Kepuasan Kerja	123
5.4	Mengkaji Keupayaan Model Konstruk Motivasi menjadi Peramal Signifikan Komitmen dan Kepuasan Kerja Guru dibimbing oleh SISC+	125

5.5	Implikasi Kajian	126
5.5.1	Implikasi Teoritikal	126
5.5.2	Implikasi Praktikal	126
5.6	Cadangan Lanjutan	128
5.7	Kesimpulan Kajian	128

RUJUKAN	130
LAMPIRAN	153
BIODATA PELAJAR	171
PENERBITAN	172



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Perbezaan Teori Motivasi	20
3.1 Strata GDB di Setiap PPD	45
3.2 Kebolehpercayaan Instrumen yang Digunakan oleh Pengkaji-Pengkaji Lain	49
3.3 Skor Cronbach Alpha Kajian Rintis	51
3.4 Kesahan Menumpu Kajian Rintis	52
3.5 Bilangan Item yang Disingkirkan Mengikut Konstruk	53
3.6 Kesahan Diskriminan Dapatan bagi Kajian Rintis (<i>Fornell-Lacker Criterion</i>)	54
3.7 Kaedah Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian	55
3.8 Kategori pemboleh ubah yang digunakan di dalam kajian ini bagi PLS-SEM	58
3.9 Kesahan Menumpu Kajian	62
3.10 Kesahan Diskriminan Kajian (<i>Fornell-Lacker Criterion</i>)	64
3.11 Kesahan Diskriminan Kajian (Ujian HTMT)	65
3.12 Kesahan Diskriminan (<i>Cross Loadings</i>)	66
3.13 Nilai VIF bagi Setiap Konstruk Terjangka	68
3.14 Ujian Komogorov Smirnov	69
3.15 Ujian Kepencongan (Skewness) Dan Kurtosis	70
4.1 Kekerapan dan Peratusan berdasarkan Daerah	79
4.2 Jantina GDB	79
4.3 Mata Pelajaran yang diajar GDB	80
4.4 Pengalaman Mengajar GDB	80
4.5 Frekuensi Dan Peratus Tempoh Keterlibatan dengan Pementoran oleh SISC+	80

4.6	Frekuensi Dan Peratus Keckerapan Pertemuan Dengan SISC+ Dalam Masa Setahun	81
4.7	Interpretasi Julat Min	81
4.8	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Autonomi	82
4.9	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Autonomi	82
4.10	Taburan Responden mengikut Tahap Autonomi	83
4.11	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Kompetensi	83
4.12	Taburan Responden mengikut Tahap Kompetensi	83
4.13	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Kesalinghubungan	84
4.14	Taburan Responden mengikut Tahap Kesalinghubungan	84
4.15	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Autonomi	85
4.16	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Motivasi Intrinsik	85
4.17	Taburan Responden Mengikut Tahap Motivasi Intrinsik	85
4.18	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Peraturan Bersepadu	86
4.19	Taburan Responden Mengikut Tahap Peraturan Bersepadu	86
4.20	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Peraturan dikenal pasti	87
4.21	Taburan Responden mengikut Tahap Peraturan dikenal pasti	87
4.22	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Peraturan diselaraskan	88
4.23	Taburan Responden mengikut Tahap Peraturan diselaraskan	88
4.24	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Peraturan Luaran	89
4.25	Taburan Responden mengikut Tahap Peraturan Luaran	89
4.26	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Amotivasi	89
4.27	Taburan Responden mengikut Tahap Amotivasi	90
4.28	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Komitmen Kerja	90
4.29	Taburan Responden mengikut Tahap Komitmen Kerja	91
4.30	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Kepuasan Kerja	91
4.31	Taburan Responden mengikut Tahap Kepuasan Kerja	92

4.32	Nilai R^2 bagi Konstruk <i>Endogenous</i>	93
4.33	Kesan Saiz (f^2) Kajian	94
4.34	Nilai q^2 Kajian	98
4.35	Pengaruh Keperluan Psikologi Asas terhadap Motivasi	99
4.36	Pengaruh Autonomi terhadap Motivasi Intrinsik	99
4.37	Pengaruh Autonomi terhadap Peraturan Bersepadu	100
4.38	Pengaruh Autonomi terhadap Peraturan Dikenal pasti	100
4.39	Pengaruh Autonomi terhadap Peraturan Diselaraskan	101
4.40	Pengaruh Autonomi terhadap Peraturan Luaran	101
4.41	Pengaruh Autonomi terhadap Amotivasi	101
4.42	Pengaruh Kompetensi terhadap Motivasi Intrinsik	102
4.43	Pengaruh Kompetensi dengan Peraturan Bersepadu	102
4.44	Pengaruh Kompetensi terhadap Peraturan Dikenal pasti	102
4.45	Pengaruh Kompetensi dengan Peraturan Diselaraskan	103
4.46	Pengaruh Kompetensi dengan Peraturan Luaran	103
4.47	Pengaruh Kompetensi terhadap Amotivasi	104
4.48	Pengaruh Kesalinghubungan terhadap Motivasi Intrinsik	104
4.49	Pengaruh Kesalinghubungan terhadap Peraturan Bersepadu	104
4.50	Pengaruh Kesalinghubungan terhadap Peraturan Dikenal pasti	105
4.51	Pengaruh Kesalinghubungan terhadap Peraturan Diselaraskan	105
4.52	Pengaruh Kesalinghubungan terhadap Peraturan Luaran	106
4.53	Pengaruh Kesalinghubungan terhadap Amotivasi	106
4.54	Pengaruh Motivasi terhadap Komitmen Kerja GDB	106
4.55	Pengaruh Motivasi Intrinsik terhadap Komitmen Kerja GDB	107
4.56	Pengaruh Peraturan Bersepadu terhadap Komitmen Kerja GDB	107
4.57	Pengaruh Peraturan Dikenal pasti terhadap Komitmen Kerja GDB	108

4.58	Pengaruh Peraturan Diselaraskan terhadap Komitmen Kerja GDB	108
4.59	Pengaruh Peraturan Luaran terhadap Komitmen Kerja GDB	108
4.60	Pengaruh Peraturan Amotivasi terhadap Komitmen Kerja GDB	109
4.61	Pengaruh Motivasi terhadap Kepuasan Kerja GDB	109
4.62	Pengaruh Motivasi Intrinsik terhadap Kepuasan Kerja GDB	110
4.63	Pengaruh Peraturan Bersepadu terhadap Kepuasan Kerja GDB	110
4.64	Pengaruh Peraturan Dikenal pasti terhadap Kepuasan Kerja GDB	110
4.65	Pengaruh Peraturan Diselaraskan terhadap Kepuasan Kerja GDB	111
4.66	Pengaruh Peraturan Luaran terhadap Kepuasan Kerja GDB	111
4.67	Pengaruh Amotivasi terhadap Kepuasan Kerja GDB	112
4.68	Peramal Signifikan bagi Komitmen Kerja	112
4.69	Peramal Signifikan bagi Kepuasan Kerja	113
4.70	Keputusan keseluruhan pengujian hipotesis	114

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Grafik Kepuasan dan Ketidakpuasan Herzberg	17
2.2 Kontinum Motivasi berdasarkan Teori Penentuan Kendiri (SDT)	28
2.3 Kerangka Teoritikal Kajian	28
2.4 Kerangka Konseptual Kajian	34
2.5 Hubungan Konstruk SDT dengan Komitmen dan Kepuasan Kerja	35
3.1 Pemboleh ubah dan Model Pengukuran dalam SEM	57
3.2 Model Struktur Asas dan Model Pengukuran Asas di dalam PLS-SEM	57
3.3 Penyingkiran dan Pengekalan Indikator berdasarkan Nilai AVE	59
3.4 Prosedur Penilaian Model Struktur	61
3.5 <i>Normal Probability Plots</i> Q-Q Plot bagi Setiap Konstruk	72
3.6 Histogram bagi Setiap Konstruk Kajian	74
3.7 Boxplot Bagi Setiap Konstruk Kajian	76
4.1 Model Jangkaan Releven Kajian	96
4.2 Rumus bagi mendapatkan nilai q^2	97

SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PPM	Pelan Pembangunan Pendidikan
DTP	Program Transformasi Daerah
SISC+	Pakar Pembimbing Peningkatan Sekolah
GDB	Guru dibimbing
GPMP	Gred Purata Mata Pelajaran
PKS	Penilaian Kendalian Sekolah
PAK-21	Pembelajaran Abad ke-21
TCT	<i>Teaching Coaching Tool</i>
AI	<i>Appreciative Inquiry</i>
SDT	Teori Penentuan Kendiri
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PLS	Pemodelan Persamaan Struktural / <i>Structural Equation Modelling-SEM</i>
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
CFA	Ujian Kesahan / <i>Corfirmantory Factor Analysis</i>
HTMT	<i>Heterotrait-Monotrait Ratio Of Correlations</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang beberapa bahagian subtopik kecil iaitu pengenalan kajian, latar belakang, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian. Selain itu, kepentingan, skop dan limitasi kajian serta definisi operasional pemboleh ubah kajian juga turut dibincangkan. Latar belakang kajian membincangkan tentang isu-isu yang berkaitan dengan kajian ini. Pernyataan masalah pula menerangkan tentang faktor-faktor yang mendorong kajian ini dilaksanakan. Selain daripada itu, objektif dan persoalan kajian juga dinyatakan di dalam bab ini. Seterusnya di dalam bab ini juga membincangkan kepentingan kajian daripada aspek teoritikal dan kepada pihak-pihak berkepentingan. Aspek limitasi kajian juga dinyatakan di dalam bab ini. Seterusnya, bab ini juga akan menerangkan tentang definisi secara konseptual bagi setiap pemboleh ubah yang digunakan.

1.2 Pengenalan Kajian

Pendidikan merupakan aspek penting yang sering diberikan perhatian oleh masyarakat. Dalam melahirkan generasi yang bakal menjadi pemimpin negara, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam melakukan perubahan bagi menjadikan bidang pendidikan negara kita setaraf dengan negara-negara maju. Pendidikan yang berkualiti juga adalah sinonim dengan guru yang merupakan ejen bagi proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) murid di sekolah. Sehubungan itu, bagi meningkatkan prestasi murid secara berkesan dan berterusan, aspek kualiti guru, kaedah pembelajaran dan kompetensi pemimpin sekolah telah diberi perhatian oleh KPM seperti yang terkandung dalam '9 Bidang Keutamaan dan Anjakan 11', Pelan Pembangunan Pendidikan (PPM) 2013-2015 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013b).

Selain itu, pihak KPM juga berusaha untuk merapatkan jurang prestasi pencapaian antara sekolah. Sehubungan itu, Program Transformasi Daerah (DTP) telah diwujudkan sebagai strategi bagi membantu sekolah-sekolah yang berprestasi rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013a). Melalui strategi ini, guru-guru yang mempunyai kompetensi yang rendah di dalam aspek pengajaran akan diberikan bimbingan secara berterusan oleh Pakar Pembimbing Peningkatan Sekolah (SISC+). SISC+ diperkenalkan oleh KPM adalah bertujuan untuk membantu guru-guru meningkatkan kompetensi pedagogi mereka melalui bimbingan dan pementoran yang berterusan.

Guru dibimbing (GDB) oleh SISC+ ini merupakan guru-guru yang dipilih berdasarkan sekolah yang berprestasi rendah dan paling memerlukan bantuan berdasarkan band sekolah dan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP)/ Penilaian Kendalian Sekolah (PKS). Selain itu, pemilihan GDB juga boleh berdasarkan cadangan sekolah, laporan pencerapan oleh pentadbir sekolah, laporan pemantauan, atau sukarela (Bahagian Pengurusan Harian, 2017). Sejak 2014, pelaksanaan pementoran SISC+ telah dilaksanakan secara menyeluruh kepada semua GDB di seluruh Malaysia. Para pengkaji juga banyak memfokuskan kelompok ini bagi melihat keberkesanan pelaksanaan pementoran ini. Namun, kajian-kajian ini banyak melihat kepada keberkesanan pementoran dan kesan terhadap Pdpc yang dijalankan oleh GDB ini sahaja.

Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi melihat aspek komitmen dan kepuasan kerja GDB. Aspek ini adalah penting kerana GDB merupakan guru yang mempunyai kompetensi yang rendah di dalam pelaksanaan Pdpc. Kompetensi ini mempunyai kaitan yang rapat dengan komitmen dan kepuasan kerja. Selain itu, kajian ini juga mengukur tahap keperluan psikologi asas, motivasi, komitmen dan kepuasan kerja GDB. Pengaruh motivasi terhadap komitmen dan kepuasan kerja akan dinilai di dalam kajian ini. Di samping itu, pengaruh keperluan psikologi asas dengan motivasi juga diberikan perhatian. Kajian ini dilaksanakan melalui pendekatan Teori Penentuan Kendiri (SDT).

1.3 Latar Belakang Kajian

Profesion keguruan sering mendapat perhatian masyarakat berikutan guru merupakan individu terlibat secara langsung dalam pelaksanaan sebarang dasar mahupun polisi yang berkaitan dengan perkembangan murid di sekolah. Menurut Glasser (1986); Bassi, Meghir, & Reynoso, (2016) amalan guru di bilik darjah adalah signifikan dalam menentukan kualiti pengajaran mereka. Kualiti pengajaran serta sasaran yang dinyatakan di dalam PPM (2013-2025) hanya dapat dicapai sekiranya seluruh guru-guru di Malaysia mempunyai kompetensi yang tinggi di dalam aspek pengajaran. Hal ini amat berkait rapat dengan keupayaan atau kompetensi guru di dalam kelas. Kompetensi guru termasuklah perkara yang berkaitan personal, profesional dan sosial seperti pengajaran, kepakaran dalam subjek, kepakaran dalam teori yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, menguruskan proses pembelajaran, adaptasi dalam komuniti dan personaliti (Hatlevik, 2017; Siraj & Ibrahim, 2012). Kompetensi guru juga merupakan keupayaan guru untuk mengajar dengan efektif (De Ketele, 1996; Hollins, 2015). Kajian lepas juga membuktikan bahawa kompetensi guru menjalankan PdPc di dalam kelas merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan murid (Darling-Hammond, 2000; Haycock, 1998; Wahyuddin, 2017).

Sehubungan itu, berdasarkan literatur ini, kompetensi ini adalah amat penting dalam menentukan pengajaran guru di dalam kelas. Justeru, tidak hairanlah setiap tahun KPM akan sentiasa merencana usaha bagi meningkatkan kompetensi pengajaran guru-guru di Malaysia. Hal ini ini dapat dilihat melalui usaha KPM dengan mewujudkan jawatan Pegawai SISC+ pada tahun 2014 bagi membantu guru-guru di sekolah band

empat hingga enam bagi meningkatkan prestasi akademik murid (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2017). Pementoran oleh SISC+ ini dilihat tepat kerana guru-guru yang akan dipilih atau dipanggil sebagai GDB adalah daripada sekolah yang berprestasi rendah dan paling memerlukan bantuan berdasarkan band sekolah dan GPMP/ PKS.

Selain itu, pemilihan GDB juga boleh berdasarkan cadangan sekolah, laporan pencerapan oleh pentadbir sekolah, laporan pemantauan, atau sukarela (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2017). Di samping itu, guru-guru yang terlibat juga adalah termasuk guru berprestasi rendah dengan teknik Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) (Said, Brahim, & Md Sabil, 2016). Sokongan serta latihan yang diberikan kepada GDB dilihat berjaya meningkatkan keberhasilan murid apabila jurang pencapaian antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar telah dikurangkan. Secara keseluruhan jumlah bilangan GDB di sekolah menengah dan rendah sehingga tahun 2018 ialah 28000 orang di seluruh Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Pementoran SISC+ kepada GDB ini dijangkakan akan meningkatkan kompetensi GDB melaksanakan pedagogi. Hal ini disebabkan oleh pementoran dan pemantauan ini adalah secara berterusan iaitu GDB perlu berada pada tahap 4 dan empat aspek lain pada tahap 3 bagi lapan aspek *Teaching Coaching Tool* (TCT) (Bahagian Pengurusan Harian, 2017). Selain itu, pementoran oleh SISC+ ini dilihat akan dapat meningkatkan kompetensi guru dalam melaksanakan PdPc di dalam kelas (Izab, 2015). Sehubungan itu, GDB akan terus dibantu dan didedahkan dengan kaedah pengajaran yang menarik, elemen didik hibur, penggunaan teknologi, amalan pedagogi kreatif dan inovatif yang mampu menarik minat murid. GDB juga dibimbing untuk menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam PdPc selaras dengan keperluan PAK-21. Bimbingan ini menjurus ke arah PdPc berkesan dan tidak hanya berorientasikan peperiksaan semata-mata.

Maka, dapat dilihat bahawa pementoran ini akan dapat meningkatkan kompetensi guru dalam melaksanakan PdPc di dalam kelas. Kompetensi di alam kerjaya sering dikaitkan dengan komitmen dan kepuasan kerja seseorang (Akram, Malik, Sarwar, Anwer, & Ahmad, 2015; Evans & Tribble, 1986; Nahid, 2012; Solnet, Kralj, Kay, & Deveau, 2009). Hal ini bermaksud guru yang mempunyai kompetensi yang tinggi akan lebih komited menggunakan kemahiran ilmu yang dimilikinya serta merasakan kepuasan di dalam dirinya di atas apa yang dilakukan. Selain itu, ia juga disebabkan oleh perhubungan di antara rasa tanggungjawab terhadap tugas yang digalas berserta pertautan erat dengan institusi pendidikan itu sendiri (McInerney, Ganotice, King, Morin, & Marsh, 2015).

Kajian-kajian akademik yang dilaksanakan sebelum ini juga telah memperlihatkan bagaimana guru-guru yang komited di dalam kerjaya meletakkan lebih banyak kesungguhan terhadap kerja dan lebih berfokus di dalam mencapai sasaran persekolahan (McInerney et al., 2015). Di samping itu, komitmen juga terkait dengan prestasi guru, kehadiran ke sekolah dan juga rasa tekanan melampau. Malah, kajian

terdahulu juga menunjukkan bahawa komitmen guru mempunyai kesan ke atas prestasi murid dan tindak-tanduk mereka terhadap peraturan sekolah (Park, 2005; Siciliano, 2017; Somech & Bogler, 2002). Ini jelas memperlihatkan bahawa komitmen guru adalah aspek utama di dalam pengukuran kompetensi mereka di sekolah. Justeru itu, komitmen kerja adalah boleh diguna pakai bagi melihat kompetensi seorang guru.

Selain komitmen guru sebagai lambang kepada kompetensi mereka di dalam kerjaya, aspek utama yang ditekankan juga adalah kepuasan kerja mereka. Komitmen dan kepuasan kerja seringkali digunakan sebagai indikator di dalam kajian kerjaya. (Cooper-Hakim & Viswesvaran, 2005; Mohamad & Jais, 2016; Shore & Martin, 1989; Yousef, 2001). Contohnya, penyelidik melihat kesan komitmen dan kepuasan terhadap prestasi kerja berserta keinginan untuk kekal di dalam organisasi (Shaukat, Yousaf, & Sanders, 2017; Shore & Martin, 1989). Manalaka Che Rose dan rakan melihat perhubungan di antara pembelajaran di dalam organisasi ke atas komitmen dan kepuasan kerja (Rose, Kumar, & Pak, 2009). Hal ini jelas memperlihatkan bahawa kedua-dua indikator ini seringkali diguna pakai sebagai indikator yang memperlihatkan pengukuran terhadap hasil seseorang di dalam organisasi mahupun kerjaya. Ia turut digunakan di dalam kajian melibatkan bidang perguruan (Bogler & Nir, 2015; Nie, Chua, Yeung, Ryan, & Chan, 2015). Justeru, berdasarkan pernyataan sebelum ini, kompetensi guru adalah menjadi prioriti utama bagi KPM terutama di dalam pelaksanaan PPPM (2013-2025) dan kajian-kajian di peringkat akademik telah memperlihatkan bagaimana komitmen dan kepuasan kerja sebagai indikator utama di dalam menilai aspek tersebut. Maka, adalah wajar bagi melihat aspek komitmen dan kepuasan kerja GDB ini.

Aspek komitmen dan kepuasan ini juga boleh dipengaruhi oleh motivasi seseorang. Hal ini disebabkan motivasi itu bertindak sebagai tenaga kepada perlakuan individu, mengarahkan sesuatu perlakuan dan mengekalkan perlakuan tersebut (Håvold & Håvold, 2019; Steers, Mowday, & Shapiro, 2004). Selain itu, terdapat pelbagai bukti empirikal di dalam kajian-kajian yang melibatkan perkaitan antara motivasi seseorang terhadap komitmen dan kepuasan kerja mereka. Bahkan, di dalam bidang perguruan sendiri telah terdapat pelbagai cabang kajian yang membuktikan perkara tersebut. Antaranya adalah melihat kepuasan kerja guru-guru berdasarkan teori Herzberg dan teori Maslow (Mohamad & Yaacob, 2013; Msuya, 2016; Tentama & Pranungsari, 2016), persekitaran tempat kerja terhadap motivasi (Msuya, 2016) dan seterusnya komitmen kerja (Aldridge & Fraser, 2016), dan pengaruh pihak pentadbir (Crisci, Sepe, & Malafrente, 2018; Hussein Amzat & Abdul Rahman Idris, 2012). Di samping itu, terdapat juga kajian yang memperlihatkan keadaan tekanan kerja yang dikaitkan dengan motivasi lemah terhadap kepuasan kerja. Seperti contoh, Ishak dan rakan mendapati bahawa faktor tekanan yang digelar mereka sebagai *burnout* dalam kalangan guru-guru mempunyai perkaitan songsang dengan kepuasan kerja. Ini bermaksud, semakin tinggi tekanan maka semakin rendah kepuasan kerja guru-guru (Ishak, 2015).

Sungguhpun demikian, adalah penting untuk diberi perhatian bahawa elemen motivasi ini adalah dipengaruhi oleh faktor keperluan psikologi asas. Keperluan psikologi asas ini mewakili asas kepada mekanisma motivasi yang memberi tenaga dan mengarahkan tingkahlaku manusia (Deci & Ryan, 2010). Ia diibaratkan seperti air, mineral dan cahaya matahari yang sangat penting kepada tumbuhan untuk mekar (Ryan & Deci, 2000). Kajian lepas menunjukkan keperluan psikologi asas yang dipenuhi akan meningkatkan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik seterusnya memberi kesan terhadap perubahan sikap yang berterusan dan kekal, pencapaian yang efektif lebih-lebih lagi dalam tugas yang memerlukan kreativiti, kognitif yang fleksibel dan pemahaman konseptual, kepuasan kerja, sikap yang positif, tingkahlaku di dalam organisasi dan penyesuaian serta kesejahteraan psikologikal (Chen, Elliot, & Sheldon, 2019; Deci & Ryan, 2002; Gagné & Deci, 2005).

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Klaijisen, Vermeulen, dan Martens, (2018) kepada guru-guru sekolah menengah, rendah dan vokasional di Netherland mendapati keperluan psikologi asas ini memberi kesan terhadap motivasi intrinsik dan efikasi sendiri guru-guru tersebut. Justeru itu adalah penting untuk melihat aspek keperluan psikologi asas dalam mempengaruhi motivasi seseorang kerana ianya adalah asas dalam menentukan tingkahlaku seseorang. Tambahan lagi, kajian sedia ada banyak memfokuskan kepada keberkesanan pementoran oleh SISC+ itu sendiri dan kurang memfokuskan kepada aspek psikologikal GDB. Contohnya kajian yang dilakukan oleh Radhiah Said, Brahim, dan Md Sabil, (2016) mengkaji impak dan kualiti pengajaran GDB bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di Samarahan, Sarawak mendapati pementoran dan bimbingan ini baik dan relevan untuk membantu guru-guru melaksanakan PdP yang berkualiti. Selain itu, kajian oleh Leng, (2015) melihat pengamalan Teori AI (*Appreciative Inquiry*) oleh GDB mata pelajaran matematik di Putrajaya mendapati perancangan dan pengamalan nilai GDB tidak mempunyai perbezaan sebelum dan selepas bimbingan dan pementoran oleh SISC+.

Hal ini menunjukkan masih kurang kajian sedia ada yang memfokuskan terhadap aspek komitmen dan kepuasan kerja GDB itu sendiri selepas mendapat bimbingan daripada SISC+ sedangkan aspek ini adalah amat penting kerana aspek komitmen dan kepuasan ini merupakan gambaran kepada kompetensi mereka yang rendah. Justeru, kajian ini bertujuan bagi mengurangkan jurang yang ada dalam kajian akademik berkenaan GDB daripada aspek keperluan psikologi asas dan motivasi mereka yang menyumbang terhadap komitmen dan kepuasan kerja mereka.

1.4 Pernyataan Masalah

Bimbingan dan pementoran oleh SISC+ terhadap GDB secara menyeluruh telah pun bermula semenjak 2014 lagi. Walau bagaimanapun, selepas 4 tahun (2014-2018) pelaksanaan bimbingan dan pementoran terhadap GDB ini dijalankan, namun kajian yang sedia ada banyak berkisarkan tentang keberkesanan pementoran dan bimbingan (Leng, 2015; Said et al., 2016), serta memfokuskan kepada SISC+ itu sendiri seperti persepsi guru lain terhadap SISC+ dan kualiti personal untuk menjadi pembimbing yang baik. Kajian yang dijalankan Salleh dan Othman, (2019) melihat persepsi guru-

guru terhadap SISC+ sebagai pembimbing pengajaran yang efektif. Selain itu, Hilmi Anwa dan Ahmad, (2016) menjalankan kajian untuk melihat tahap persepsi guru terhadap SISC + dari aspek pengetahuan pembimbing, kemahiran pembimbing, keberkesanan bimbingan pembimbing serta keberkesanan pendekatan pembimbing dalam pementoran oleh SISC+ ini. Kajian yang dijalankan oleh Mohamad, Ab Rashid, Yunus, dan Zaid, (2016) juga melihat persepsi profesional SISC+ dan kualiti yang diperlukan dalam menjadi seorang pembimbing yang baik serta pandangan keseluruhan berkaitan kebaikan dan manfaat pementoran ini.

Masih kurang kajian sedia ada yang memfokuskan terhadap aspek komitmen dan kepuasan kerja GDB itu sendiri selepas mendapat bimbingan daripada SISC+ sedangkan aspek ini adalah amat penting kerana GDB ini dipilih berikutan mereka mempunyai kompetensi yang rendah serta turut mempunyai komitmen dan kepuasan kerja yang rendah, maka selepas bimbingan dan pementoran ini dijalankan oleh SISC+, seharusnya aspek komitmen dan kepuasan mereka juga perlu dilihat samaada berjaya ditingkatkan atau tidak. Oleh itu, adalah amat penting untuk kajian ini dijalankan bagi melihat komitmen dan kepuasan kerja GDB ini.

Selain tu, adalah amat penting untuk melihat elemen motivasi yang mempengaruhi komitmen dan kepuasan kerja GDB ini. Ini adalah mustahak kerana pementoran oleh SISC+ melibatkan GDB yang dinilai mempunyai prestasi lemah di peringkat sekolah. Perlaksanaan aspek bimbingan dan pementoran bukan sahaja untuk meningkatkan prestasi guru tersebut malah juga untuk meningkatkan keyakinan dan motivasi mereka di dalam pengajaran (De Gregory, 2016; Yost, 2002). Ini kerana motivasi memainkan peranan jangka masa panjang di dalam kesungguhan para guru sewaktu melaksanakan proses pengajaran, kepuasan kerja, kualiti, komitmen dan prestasi di sekolah (Onjoro, 2015) . Lantaran itu, perlu ada kajian yang melihat aspek motivasi GDB ini setelah bimbingan dijalankan oleh SISC+.

Selain motivasi, aspek keperluan psikologi asas juga adalah amat penting untuk dilihat kerana elemen yang terdapat di dalam keperluan psikologi asas ini adalah asas bagi mempengaruhi motivasi dan memberi kesan terhadap komitmen dan kepuasan kerja guru. Aspek keperluan psikologi asas ini adalah autonomi, kompetensi dan kesalinghubungan. Ketiga-tiga elemen ini penting untuk dinilai samaada ia dipenuhi atau tidak semasa GDB melaksanakan tugas di sekolah. Selain itu, adalah penting untuk menilai pengaruh keperluan psikologi asas ini terhadap motivasi GDB. Kajian lepas menunjukkan terdapat pengaruh antara keperluan psikologi asas dengan motivasi intrinsik (Bell, 2010; Briand, 2009; Msuya, 2016). Walau bagaimanapun, masih kurang kajian yang mengkaji pengaruh antara autonomi dengan elemen motivasi yang lain (merujuk kepada motivasi intrinsik, peraturan bersepadu, peraturan dikenal pasti, peraturan diselaraskan dan peraturan luaran) (Nie et al., 2015). Oleh itu, kajian ini perlu dilaksanakan bagi melihat pengaruh kesemua aspek di dalam keperluan psikologi asas dengan kesemua elemen di dalam motivasi kerana setiap elemen motivasi melalui pendekatan SDT adalah berbeza kerana ia merupakan kontinum yang bermula dengan tahap motivasi paling rendah (amotivasi) hingga ke tahap motivasi paling tinggi motivasi intrinsik.

Di samping itu, pemilihan SDT di dalam kajian ini juga, membolehkan para penyelidik memahami motivasi bukan sahaja melalui faktor ataupun ‘energizers’ seperti dilabel oleh Gagne dan Deci (2005) tetapi juga bagaimana ia di arahkan melalui proses regulasi sendiri seperti mana diterangkan oleh Gagné dan Deci (2005), “*SDT posits basic psychological needs that must be satisfied for optimal functioning and well-being, it also elaborates regulatory processes that underlie the direction of behavior*”. Ini menjelaskan kepentingan dan kelebihan SDT, di mana bukan sahaja ia mengambil kira faktor seperti mana yang turut dijelaskan di dalam Teori Herzberg melalui konsep *motivation-hygiene* namun ia juga menerangkan proses bagaimana motivasi itu berjalan (Gagné & Deci, 2005).

Tambahan lagi kajian yang menggunakan teori ini dalam kalangan guru masih lagi rendah (Collie & Martin, 2017). Walau bagaimanapun, perlu ditekankan bahawa telah wujud kajian berkenaan SDT oleh para penyelidik di negara ini (Bakar & Sulaiman, 2010; Kaur, Hashim, & Noman, 2015). Namun kajian ini berkisar dan menggunakan responden daripada para murid universiti (Aladdin, 2017; Bakar & Sulaiman, 2010) dan para murid Thailand (Kaur et al., 2015). Sehubungan itu, adalah penting untuk kajian ini dilaksanakan bagi menambah baik bukti empirikal sedia ada dan bagi membantu meningkatkan komitmen dan kepuasan GDB pada masa hadapan dengan hasil kajian ini.

1.5 Objektif Kajian

Objektif umum untuk kajian ini ialah menentukan pengaruh antara keperluan psikologi asas dengan motivasi serta menentukan pengaruh motivasi dengan komitmen dan kepuasan kerja GDB . Manakala objektif khusus bagi kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap faktor keperluan psikologi asas, motivasi, komitmen dan kepuasan kerja GDB.
2. Mengenal pasti pengaruh faktor keperluan psikologi asas dengan motivasi GDB.
3. Mengenal pasti pengaruh faktor motivasi dengan komitmen dan kepuasan kerja GDB.
4. Mengenal pasti sejauh mana faktor motivasi menjadi peramal signifikan utama terhadap komitmen dan kepuasan kerja GDB.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang dibincangkan, terdapat beberapa persoalan kajian utama yang perlu dijawab di dalam kajian ini. Ia termasuk:

1. Apakah tahap faktor keperluan psikologi asas, motivasi, komitmen dan kepuasan kerja GDB?
2. Adakah terdapat pengaruh faktor keperluan psikologi asas dengan motivasi GDB?
3. Adakah terdapat pengaruh faktor motivasi dengan komitmen kerja GDB?
4. Adakah terdapat pengaruh faktor motivasi dengan kepuasan kerja GDB?
5. Sejauh manakah faktor motivasi menjadi peramal signifikan utama terhadap komitmen dan kepuasan kerja GDB?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis ialah jawapan sementara tentang pengaruh dua atau lebih pemboleh ubah, atau hujah sementara yang kebenarannya akan dibuktikan dalam kajian (Creswell, 2013). Hipotesis ini adalah berdasarkan objektif kajian yang dibangunkan. Bagi pemboleh ubah keperluan psikologi asas, terdapat tiga konstruk di dalamnya iaitu autonomi, kompetensi dan kesalinghubungan. Manakala bagi pemboleh ubah motivasi terdapat enam konstruk atau elemen di dalamnya iaitu motivasi intrinsik, peraturan bersepadu, peraturan dikenal pasti, peraturan diselaraskan, peraturan luaran dan amotivasi. Justeru, hipotesis yang dibangunkan bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- H₁ : Tiada pengaruh signifikan antara keperluan psikologi asas dengan motivasi
- H_{1a1} : Tiada pengaruh signifikan antara autonomi dengan motivasi intrinsik
 - H_{1a2} : Tiada pengaruh signifikan antara autonomi dengan peraturan bersepadu
 - H_{1a3} : Tiada pengaruh signifikan antara autonomi dengan peraturan dikenal pasti
 - H_{1a4} : Tiada pengaruh signifikan antara autonomi dengan peraturan diselaraskan
 - H_{1a5} : Tiada pengaruh signifikan antara autonomi dengan peraturan luaran
 - H_{1a6} : Tiada pengaruh signifikan antara autonomi dengan amotivasi
 - H_{1b1} : Tiada pengaruh signifikan antara kompetensi dengan motivasi intrinsik
 - H_{1b2} : Tiada pengaruh signifikan antara kompetensi dengan peraturan bersepadu
 - H_{1b3} : Tiada pengaruh signifikan antara kompetensi dengan peraturan diselaraskan
 - H_{1b4} : Tiada pengaruh signifikan antara kompetensi dengan peraturan dikenal pasti
 - H_{1b5} : Tiada pengaruh signifikan antara kompetensi dengan peraturan luaran
 - H_{1b6} : Tiada pengaruh signifikan antara kompetensi dengan amotivasi
 - H_{1c1} : Tiada pengaruh signifikan antara kesalinghubungan dengan motivasi intrinsik
 - H_{1c2} : Tiada pengaruh signifikan antara kesalinghubungan dengan peraturan bersepadu
 - H_{1c3} : Tiada pengaruh signifikan antara kompetensi dengan peraturan diselaraskan

- H_{1b4} : Tiada pengaruh signifikan antara kompetensi dengan peraturan dikenal pasti
- H_{1b5} : Tiada pengaruh signifikan antara kompetensi dengan peraturan luaran
- H_{1b6} : Tiada pengaruh signifikan antara kompetensi dengan amotivasi
- H_{1c1} : Tiada pengaruh signifikan antara kesalinghubungan dengan motivasi intrinsik
- H_{1c2} : Tiada pengaruh signifikan antara kesalinghubungan dengan peraturan bersepadu
- H_{1c3} : Tiada pengaruh signifikan antara kesalinghubungan dengan peraturan dikenal pasti
- H_{1c4} : Tiada pengaruh signifikan kesalinghubungan dengan peraturan diselaraskan
- H_{1c5} : Tiada pengaruh signifikan antara kesalinghubungan dengan peraturan luaran
- H_{1c6} : Tiada pengaruh signifikan antara kesalinghubungan dengan amotivasi

H₂ : Tiada pengaruh signifikan antara motivasi dengan komitmen kerja

- H_{2a} : Tiada pengaruh signifikan antara motivasi intrinsik dengan komitmen kerja
- H_{2b} : Tiada pengaruh signifikan antara peraturan bersepadu dengan komitmen kerja
- H_{2c} : Tiada pengaruh signifikan antara peraturan dikenal pasti dengan komitmen kerja
- H_{2d} : Tiada pengaruh signifikan antara peraturan diselaraskan dengan komitmen kerja
- H_{2e} : Tiada pengaruh signifikan antara peraturan luaran dengan komitmen kerja
- H_{2f} : Tiada pengaruh signifikan antara amotivasi dengan komitmen kerja

H₃ : Tiada pengaruh signifikan antara motivasi dengan kepuasan kerja

- H_{3a} : Tiada pengaruh signifikan antara motivasi intrinsik dengan kepuasan kerja
- H_{3b} : Tiada pengaruh signifikan antara peraturan bersepadu dengan kepuasan kerja
- H_{3c} : Tiada pengaruh signifikan antara peraturan dikenal pasti dengan kepuasan kerja
- H_{3d} : Tiada pengaruh signifikan antara peraturan diselaraskan dengan kepuasan kerja
